

Zakat menyucikan harta, perkukuh ekonomi usahawan Muslim

Oleh Mejar Dr Mohd Adib Abd Muin
bhagama@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Perniagaan Islam
(JBS), Universiti
Utara Malaysia

Zakat adalah satu daripada lima Rukun Islam wajib dilaksanakan setiap Muslim memenuhi syarat tertentu. Berzakat adalah amalan menjadi tuntutan untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan Muslim ke tahap tinggi.

Hal ini kerana ia satu amalan dapat menyucikan diri dan harta individu daripada sebarang perkara dikhawatiri ada unsur meragukan dan haram.

Berdasarkan firman Allah SWT bermaksud: "Dan tunaikan solat dan laksanakanlah zakat serta taat Rasul; nescaya kamu beroleh Rahmat". (Surah An-Nur, ayat 25).

Jika dilihat hadis ketika Rasulullah SAW ingin mengutuskan Mu'az Ibn Jabal RA ke Yaman untuk berdakwah, Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Maka maklumkan kepada mereka sesungguhnya Allah SWT menfardukan ke atas mereka zakat, diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang fakir miskin dalam kalangan mereka." (HR Bukhari).

Berdasarkan dalil al-Quran dan hadis di atas, jelas menunjukkan pelaksanaan zakat adalah satu kewajipan perlu dilaksanakan kerana ia syiar Islam dan perintah Allah SWT serta Rasulullah SAW yang wajib ditunaikan.

Di Malaysia, zakat memainkan peranan penting bukan sahaja memenuhi tuntutan agama, tetapi memperkukuhkan ekonomi dan memperbaiki kesejahteraan hidup masyarakat.

Dalam konteks perniagaan, pelaksanaan zakat memberikan kesan signifikan terhadap masyarakat, terutama usahawan dan peniaga Muslim.

Satu daripada kesan utama pelaksanaan zakat adalah pembaikan aliran tunai dan modal bagi perniagaan Muslim.

Zakat dikumpulkan diagihkan kepada golongan asnaf berhak, termasuk golongan fakir miskin dan mereka yang memerlukan, seterusnya meningkatkan kuasa beli mereka untuk meneruskan kehidupan sosial sama seperti masyarakat lain.

Peningkatan kuasa beli ini boleh membawa kepada peningkatan permintaan untuk barang dan perkhidmatan disediakan peniaga Muslim, sekaligus meningkatkan jualan dan aliran tunai serta merancakkan lagi ekonomi negara.

Zakat juga membantu peniaga Muslim meneruskan pengembangan perniagaan mereka hingga peringkat antarabangsa jika diusahakan dengan sebaiknya. Di Malaysia, institusi zakat sering menyediakan bantuan kewangan dan modal kepada usahawan Muslim.

Bantuan ini boleh digunakan untuk membeli peralatan, meningkatkan inventori, atau membina projek pengembangan perniagaan.

Sebagai contoh, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) kerap memberikan dana kepada usahawan kecil dan sederhana untuk mempertingkatkan operasi mereka serta membantu usahawan asnaf melalui pelbagai program serta inisiatif bertujuan meningkatkan tahap ekonomi dan kesejahteraan mereka.

Antara usaha dilakukan oleh lembaga zakat atau pusat urus zakat adalah program bantuan modal usahawan, penyediaan latihan dan kursus keusahawanan, bantuan infrastruktur dan kelengkapan alat perniagaan, program bimbingan, bantuan pemasaran dan jaringan industri perniagaan, skim pembiayaan mikro dan skim pinjaman.



Pelaksanaan zakat juga memberikan kesan positif terhadap kualiti hidup dan moral peniaga Muslim. Melalui zakat, peniaga menyedari sebahagian daripada pendapatan mereka digunakan untuk membantu golongan kurang bernasib baik

Bantuan zakat kurangkan beban kewangan

Bagi peniaga menghadapi kesukaran kewangan, bantuan zakat dapat mengurangkan beban kewangan mereka. Ini termasuk pembayaran balik pinjaman atau hutang perniagaan tertunggak.

Dengan pengurangan beban kewangan ini, peniaga dapat memberi tumpuan lebih kepada strategi dan pelaksanaan perniagaan supaya lebih efektif dan efisien pada masa akan datang, meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran dilihat semakin mencabar.

Pelaksanaan zakat juga memberikan kesan positif terhadap kualiti hidup dan moral peniaga Muslim. Melalui zakat, peniaga menyedari sebahagian daripada pendapatan mereka digunakan untuk membantu golongan kurang bernasib baik.

Ini bukan sahaja meningkatkan perasaan tanggungjawab sosial tetapi juga memupuk semangat kebersamaan dan persaudaraan dalam kalangan

masyarakat Muslim. Moral tinggi dan semangat membantu orang lain sering mendorong peniaga bekerja dengan lebih tekun dan jujur, seterusnya meningkatkan produktiviti dan keuntungan perniagaan.

Zakat juga memainkan peranan penting menangani isu kemiskinan dan ketidaksetaraan dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia.

Dengan mengagihkan kekayaan kepada golongan memerlukan, zakat membantu mengurangkan jurang kekayaan antara kaya dan miskin.

Pengurangan ketidaksetaraan ini boleh membawa kepada persekitaran perniagaan lebih stabil dan adil, akhirnya memberi manfaat kepada semua peniaga.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan pelaksanaan zakat memberikan kesan positif terhadap peniaga Muslim dari segi pembaikan aliran tunai dan modal, bantuan dalam pengembangan perniagaan, pengurangan beban kewangan, peningkatan kualiti hidup dan moral hingga menangani isu kemiskinan dan ketidaksetaraan.

Zakat memainkan peranan kritikal dalam memperkukuhkan ekonomi Muslim. Oleh itu, penting bagi institusi zakat untuk terus berusaha meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pengagihan zakat supaya manfaatnya dapat dirasakan lebih ramai asnaf terutama golongan fakir, miskin, amil, muallaf dan peniaga Muslim memerlukan.

Kepada usahawan dan peniaga Muslim, sentiasalah berusaha menunaikan zakat kerana orang berzakat menyahut perintah Allah SWT dengan sebaiknya.

Hal ini selaras dengan firman Allah SWT bermaksud: "Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat), supaya akan membersihkan (harta) dan menyucikan (hati) mereka serta doakanlah mereka, kerana doamu itu membawa ketenangan untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, Lagi Maha Mengetahui" (Surah at-Taubah, ayat 103).